

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]
TARIKH : 9.6.2014
SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berikutan projek bangunan surgikal HUSM yang sepatutnya pada RMK-10 akan dilaksanakan tetapi telah tergendala, bilakah sebenarnya akan dibina memandangkan keperluannya yang amat penting.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan peruntukan oleh pihak Universiti Sains Malaysia (USM) adalah bagi bangunan klinikal Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM). Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak dapat diluluskan di bawah *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Walau bagaimanapun pihak USM akan memohon semula peruntukan berkenaan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).